

Jihad Menentang Kemasukan *Missionary* Kristian ke India

India adalah terkenal sebuah negeri yang tertua di Asia dan sebuah negeri yang lama sekali berada di bawah penjajahan Inggeris yang mana pihak Inggeris telah mengisap darah umat India dari segi politik iktisad, kebudayaan dan lain jua maka dari negara-negara itu menyebabkan kehidupan umat India di kala itu berada di dalam keadaan kemiskinan dan kemelaratan.

Oleh: Muhammad Abu al-Shukri – India

Missionary Kristian telah mula masuk ke bumi India sejak dari tahun 1599 Masihi yang mana beberapa orang paderi Kristian telah pun dihantar ke India untuk menggerakkan *missionary* Kristian. Beberapa rancangan telah dijalankan di antaranya berusaha membuka beberapa banyak sekolah-sekolah Kristian menyebarluaskan risalah-risalah Kristian dan menubuahkan persatuan-persatuan tabligh Kristian di pelosok India.

Dalam masa kira-kira menjelang satu abad *missionary*

Kristian ini bergerak dengan sederhana dan bersembuni maka manakala sampai kepada tahun 1706 pergerakan *missionary* Kristian di India didapati berjalan cergas yang di luar sangkaan yang mana beberapa banyak paderi-paderi Kristian telah memperkenalkan diri masing-masing dengan jalan mengadakan syarahan terbuka di khalayak ramai mengenai agama Kristian. Adapun paderi-paderi tersebut didapati fasih bertutur di dalam bahasa Tamil dan lain jua daripada bahasa-bahasa yang berada di India.

Pada tahun 1897 sebanyak 14 buah persatuan tabligh Kristian telah didapati di pelosok bumi India yang mana diketahui oleh beberapa banyak paderi-paderinya dan didapati jua beberapa buah sekolah-sekolah Kristian

yang besar, yang mana penuntut miskin di kalangan umat India telah pun diambil menjadi muridnya yang mana segala-gala perbelanjaan telah ditanggung oleh pihak sekolah dengan keadaan yang lumayan sekali. Maka dengan polisi ini adalah menjadi satu daya penarik yang besar sekali di kalangan kaum marhaen di India sama ada di kalangan Hindunya atau pun Muslim. Tambahan pula di kala itu di India di dalam kekurangan sekolah pada hal pelajaran adalah amat perlu kepada mereka.

Di dalam menambah kemajuan *missionary* Kristian di India itu pihak kerajaan penjajahan Inggeris di India telah menguntukkan perbelanjaan beribu-ribu rupiah untuk membantu pegerakan¹ ini terutama di dalam segi menubuahkan beberapa banyak sekolah-sekolah Kristian dan menyebarluaskan risalah-risalah ke merata kota dan desa. Dan perbelanjaan membawa masuk paderi-paderi lebih ramai lagi ke India. Maka dengan keadaan ini dapatlah diketahui bahawa pegerakan² Kristian di India itu ialah sebagai tangan kanan kepada penjajahan Inggeris untuk mengkristiankan umat India. Demikian jua pihak pemerintahan penjajah Inggeris telah memasukkan satu mata pelajaran yang wajib di dalam semua sekolah-sekolah di India agar senang

¹ Perkataan sebenar ialah pergerakan

² Perkataan sebenar ialah pergerakan

kelak agama Kristian diterima oleh umat India dengan sebab jarum Kristian telah disaluri kepada pelajar-pelajar yang masih mentah itu. Di samping itu tidak ketinggalan bahawa beberapa banyak Qur'an yang telah ditahrif (diubah) telah pun dibawa masuk ke India. Qur'an-qur'an itu dicop di England dan dijual di India dengan harga yang murah dan jua dihadiah kepada umat Islam dengan tidak kena apa-apa bayaran pun.

Kemasukan *missionary* Kristian itu telah pun disedari oleh kaum Muslimin India terutama di kalangan alim ulama dan bijak pandai yang mana keadaan yang berbahaya itu boleh merosakkan iktikad kaum muslimin di India dan ada yang telah terpengaruh dengan ajaran Kristian itu terutama di kalangan Hindu. Pengaruh-pengaruh itu ialah hasil dari syarahan-syarahan terbuka di khalayak ramai oleh paderi-paderi Kristian itu.

Pihak ulama Islam telah pun menyusun satu gerakan yang rapi dan cergas di dalam menentang *missionary* Kristian itu, pada mulanya ulama India menentang dengan jalan *murad* (membahas) faham Kristian itu dengan melalui ruangan akhbar dan majalah-majalah serta menyebarkan risalah-risalah anti Kristian di samping mengikuti sejarah manakah gerakan *missionary* Kristian boleh menjalar di bumi India. Maka pihak ulama Islam telah mula cergas di dalam jihad menentang *missionary* Kristian ini dengan menyambut dakwaan-dakwaan paderi yang set³ itu. Yang mana satu majlis *munāẓarah* yang terbesar sekali terbuka di khalayak ramai telah dapat diadakan yang mana Maulana Rahmatu Allah telah menjadi juara di pihak ulama India manakala di pihak paderi pula diketuai oleh Tuan C.G. Father. *Munāẓarah* ini berlaku pada

23 Mac 1804 di atas mauduk *tahrif* dan *mansūkh* dan *nāsikh*. Perdebatan yang hebat itu telah berlaku beberapa hari yang mana berakhir kepada pihak paderi menerima kekalahan yang tenat sekali dan pada tahun 1876 satu lagi majlis *munāẓarah* yang terbesar telah pun diadakan di khalayak ramai yang mana Maulana Muhammad Qasim telah pun menjadi juara. Maka di dalam *munāẓarah* ini pihak paderi jua menerima kekalahan hebat, adapun mauduk berkisar di atas soal *tahrif* dan *nāsikh* - *mansūkh*.

Di dalam usaha jihad menentang *missionary* Kristian alim ulama India tidak puas hati dengan hanya bermunāẓarah sahaja biar pun kemenangan yang cemerlang telah didapati oleh pihak alim ulama maka usaha kedua pihak alim ulama telah berusaha mendirikan sekolah-sekolah agama Islam dan menubuhkan persatuan-persatuan tabligh yang mana dengan jalan ini dapat memberi kesedaran kepada seluruh umat Islam di atas merbahayanya Kristian yang menjadi alat kepada pemerintahan penjajah Inggeris di India di kala itu. Maka lahirlah beberapa buah sekolah agama tumbuh di pelosok India begitu jua beberapa buah persatuan Tabligh telah dapat diwujudkan yang mana mempunyai beberapa banyak cawangannya di merata India. Di antara sekolah-sekolah yang didirikan yang mana sehingga sekarang masih ada menjadi kemegahan umat Islam iaitu seperti Universiti Dār al-'Ulūm di Unan, Mazāhir al-'Ulūm Saharanpur, Nadwatul Ulama Lucknow dan lain-lain lagi. Adapun persatuan-persatuan tabligh di antaranya ialah Jemaah Tabligh Islam, Himāyat al-Islām, dan Khādim 'Ulūm Islāmiyyah. Maka dari persatuan-persatuan tabligh ini dapat mengeluarkan beberapa banyak risalah-risalah reda Kristian telah

³ tidak pasti

disebarkan kepada seluruh kaum Muslimin di India, maka

manakala pelajar-pelajar Islam pula digalak supaya membuangkan masa cuti persekolahan mereka di dalam persatuan-persatuan tabligh yang mana di dalam sekolah agama diajar satu mata pelajaran di dalam van *munāẓarah*.

Maka di dalam masa alim ulama India sedang cergas berjihad menentang pergerakan *missionary* Kristian telah pula disedari oleh bijak pandai dari agama Hindu yang mana jua berpendapat bahawa gerakan *missionary* Kristian itu jua membahayakan kedudukan agama Hindu di India maka mereka pula telah bergerak menentang perkembangan Kristian di India sebagaimana yang telah dilakukan oleh umat Islam. Maka dengan ini pergerakan *missionary* Kristian di India telah mula lemah oleh sebab penentang-penentang dari umat India telah pun cergas di dalam beberapa lapangan.

Mengikut di dalam satu senarai nama-nama alim ulama Islam yang telah mengambil bahagian di dalam jihad menentang pergerakan *missionary* Kristian di India itu ialah seramai 48 orang yang mana ahli-ahli *mujāhidīn* tersebut sama ada bermunāẓarah atau pun perdebatan melalui akhbar-akhbar dan majalah-majalah ataupun mengeluarkan risalah-risalah khas mengenai penentangan Kristian *al-hamduli'Lāh* dengan pergerakan yang cergas jihad menentang *missionary* Kristian yang telah dilakukan oleh alim ulama India itu menyebabkan pergerakan *missionary* Kristian menempuh jalan lumpuh dan lemah dari sehari ke sehari, yang mana beberapa banyak *munāẓarah-munāẓarah* berlaku semuanya pihak paderi menempuh kekalahan *munāẓarah* itu sama ada di padang-padang, di masjid-masjid dan jua di gereja-gereja mereka, tajuk yang selalu berkisar ialah mengenai

tahrīf dan *nāsikh, mansūkh*.

Dengan lahirnya kemerdekaan India pada tahun 1947, gerakan jihad menentang *missionary* Kristian di India diperhebatkan lagi, yang mana pihak Jam'iyyah Al-'Ulama' India adalah sebagai markas. Demikian jua Nizāmuddin Auliyā' yang berkisar mentabligh Islam dari sehari ke sehari. Maka dari penangan perjuangan suci ini perkembangan Kristian tidak dapat menjalar dengan sewenang-wenangnya. Namun begitu banyak jua kejayaan-kejayaan yang didapati oleh pihak Kristian yang mana sekolah-sekolah Kristian dan gereja-gereja telah dibina dan dapat mempengaruhi di kalangan-kalangan kaum-kaum Hindu yang marhaen dengan umpan kewangan dan perempuan-perempuan cantik yang menjadi satu daya penarik yang besar di dalam menuju perkembangan Kristian sekarang.

Buku-buku Pelajaran

Surat menyurat (Jawi)	\$1.80
Sejarah ringkas Nabi Muhammad	1.20
Panduan membaca dan menulis	
Jawi	1.50
Baca I	1.00
Pelajaran Sembahyang I	1.20
Pelajaran Sembahyang II	
mengenai Imam Maknum, Masbuk	
dan seumpamanya	1.20
Mari sembahyang (Lelaki)	1.20
Mari sembahyang (Perempuan)	1.20
Pesanan tambah 10 sen belanja pos	